




JABATAN AKAUNTAN
NEGARA MALAYSIA

PELAN INOVASI

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

2021 - 2024



ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN	MUKA SURAT
BAB 1 - PENDAHULUAN	
1.1 Perutusan Akauntan Negara Malaysia	3
1.2 Latar Belakang JANM	5
1.3 Visi, Misi, <i>Tagline</i>	7
1.4 Objektif	9
1.5 Nilai Bersama	10
1.6 Punca Kuasa (Inovasi)	13
1.7 Pemegang Taruh, Pelanggan, Rakan Strategik	14
BAB 2 - PELAKSANAAN PELAN INOVASI JANM	
2.1 Tujuan	15
2.2 Definisi Inovasi	16
2.3 Bidang dan Kategori Inovasi	16
2.4 Pendekatan	18
2.5 Struktur Pengurusan Inovasi	19
2.6 Fungsi Jawatankuasa Pemandu Inovasi JANM	19
2.7 Fungsi Jawatankuasa Kerja Inovasi JANM	20
2.8 Fungsi Unit Dasar, Strategik dan Inovasi	20
BAB 3 - STRATEGI DAN PELAN TINDAKAN	
3.1 Model Pengurusan Strategik	21
3.2 Analisis Persekitaran	22
3.3 Objektif Strategik dan Strategi	23
3.4 Pelan Tindakan	25
BAB 4 – PENUTUP	
4.1 Rumusan	32
LAMPIRAN A	33
LAMPIRAN B	35

BAB 1: PENDAHULUAN

1.1 Perutusan Akauntan Negara Malaysia

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera,

Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan rahmatnya Pelan Inovasi JANM bagi tempoh 2021 – 2024 telah berjaya diterbitkan. Selaras dengan matlamat jabatan untuk menjadi *Centre of Reference* dalam bidang perakaunan dan kewangan sektor awam, jabatan perlu sentiasa menerajui perancangan dan pengurusan yang berinovatif bagi memastikan JANM berada di landasan yang betul dalam era perkembangan teknologi yang pesat ini.

Pelan ini disediakan bagi menyokong hasrat Jabatan untuk mencapai visi JANM sebagai Peneraju Terbilang dalam Perakaunan Kewangan dan Perakaunan Pengurusan Sektor Awam. Ia merupakan kesinambungan kepada Pelan Inovasi JANM Tahun 2017 – 2020. Pembangunan pelan ini telah mengambil kira analisis persekitaran, kekuatan, cabaran serta peluang dan isu semasa yang mendepani JANM khususnya berkaitan pembudayaan inovasi dalam penyampaian perkhidmatan.

Secara keseluruhannya, pelan ini menggariskan empat (4) Objektif Strategik, sembilan (9) Strategi dan 11 Program sebagai panduan kepada Jabatan dalam memformulasi dasar, strategi, pengurusan, pelaksanaan, pengiktirafan dan pemantauan aktiviti-aktiviti inovasi JANM sepanjang 2021 sehingga 2024. Elemen berkaitan perkembangan teknologi terkini juga dirangkumkan di dalam pelan ini bagi memastikan kelangsungan perkhidmatan JANM pada era Revolusi Industri 4.0

Dengan penerbitan pelan ini saya berharap ia akan dapat membantu membentuk warga JANM kreatif serta membudayakan inovasi dan kreativiti dalam tugas seharian. Semoga usaha ini akan dapat memberi faedah kepada Jabatan dalam menerajui inovasi perkhidmatan



perakaunan sektor awam di dalam negara dan di peringkat antarabangsa. Akhir kata, saya menyeru kepada semua warga JANM untuk bersama-sama berganding bahu dalam melaksanakan semua strategi yang telah digariskan. Tidak lupa juga ucapan penghargaan dan tahniah kepada semua pihak yang telah bertungkus lumus dalam menyediakan pelan ini.

Sekian.

Datuk Dr Yacob bin Mustafa C.A(M)
Akauntan Negara Malaysia

1.2 Latar Belakang JANM

Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) telah diwujudkan dengan jawatan Akauntan Negara Malaysia (ANM) di bawah Kementerian Kewangan sebelum Malaysia mencapai kemerdekaan. JANM bermula dari satu bangunan pejabat yang kecil bertempat di Bangunan Life Insurance Corporation of India di persimpangan Jalan Melaka dan Jalan Tun Perak (Mountbatten Road). Pejabat ini kemudiannya ditempatkan di Bangunan Sultan Abdul Samad, Kuala Lumpur dan seterusnya beroperasi di Blok 8, Kompleks Pejabat Kerajaan, Jalan Duta, Kuala Lumpur. Sejak beberapa dekad yang lalu, peranan dan fungsi JANM telah mengalami beberapa perubahan selaras dengan perkembangan sektor awam.

Bahagian-bahagian di JANM terdiri daripada:

1. Bahagian Pembangunan Perakaunan Dan Pengurusan (BPPP)
2. Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat Dan Agensi (BPOPA)
3. Bahagian Pengurusan Wang Tak Dituntut (BWTD)
4. Pasukan Pelaksanaan Perakaunan Akruan (PPPA)
5. Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan (BPOPP)
6. Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat (BPTM)
7. Bahagian Khidmat Perunding (BKP)
8. Bahagian Pengurusan Audit Dalam (BPAD)
9. Bahagian Akaun, Kementerian Kewangan (BA MOF)
10. Institut Perakaunan Negara (IPN)
11. Unit Integriti (UI)
12. Unit Undang-undang (UU)

Kini, JANM beroperasi di Kompleks Kementerian Kewangan, Presint 2, Putrajaya dan mempunyai 24 pejabat Negeri/Cawangan di seluruh Malaysia.

Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) merupakan organisasi utama yang bertanggungjawab dalam menyediakan perkhidmatan perakaunan dan kewangan Kerajaan Persekutuan. Objektif JANM sebahagian besarnya tertumpu kepada penyediaan perkhidmatan yang efisien dan berkesan kepada pelanggan, selaras dengan slogan "*Excellent Accounting @ Your Service*". JANM sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan sistem perakaunan kewangan dan perakaunan pengurusan kerajaan seiring dengan perkembangan teknologi terkini.

JANM menjalankan tugas sebagai Akauntan Sektor Awam dan berperanan sebagai penyedia perkhidmatan, perunding perakaunan dan kewangan serta sebagai pengurus dana kerajaan. Akauntan Negara Malaysia merupakan akauntan utama bagi Kerajaan Persekutuan dan Ketua Bahagian Akaun Perbendaharaan Persekutuan dengan mempunyai kuasa dalam perkara-perkara mengenai tatacara perakaunan yang berkaitan dengan akaun Kerajaan Persekutuan dan Negeri.

Fungsi utama JANM seperti berikut:

- (a) Menyediakan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan mengikut kehendak perundangan dan piawaian perakaunan yang diterima umum
- (b) Memberi khidmat nasihat dan perundingan perakaunan kepada agensi Kerajaan
- (c) Memastikan pematuhan dan penguatkuasaan tatacara pengurusan kewangan dan perakaunan seperti yang ditetapkan di bawah undang-undang berkaitan
- (d) Mewujudkan sistem maklumat perakaunan kewangan dan perakaunan pengurusan
- (e) Mewujudkan/menguruskan sistem pengurusan wang tunai kerajaan
- (f) Mentadbir perkhidmatan perakaunan kerajaan
- (g) Membangunkan modal insan melalui program latihan pengurusan perakaunan dan perakaunan kewangan
- (h) Menguatkuasakan Akta Wang Tak Dituntut 1965

1.3 Visi, Misi dan *Tagline*

1.3.1 Visi & Misi

Penggubalan pernyataan visi dapat memberikan gambaran kepada pengurusan dan warga JANM harapan dan matlamat yang dikongsi bersama untuk mencapai impian yang dihasratkan. Visi JANM yang ditetapkan selaras dengan Pelan Strategik JANM 2019-2023 adalah sebagai Peneraju Terbilang Dalam Perakaunan Kewangan Dan Perakaunan Pengurusan Sektor Awam. Ia menggambarkan harapan JANM bagi menerajui perkhidmatan perakaunan sektor awam dalam tempoh lima (5) tahun.

Pernyataan misi yang jelas pula adalah penting bagi menerangkan pewujudan JANM dan bagaimana JANM akan merealisasikan visi yang telah ditetapkan. Misi JANM berdasarkan Pelan Strategik JANM 2019-2023 adalah untuk Mengukuhkan Pengurusan Kewangan Sektor Awam Secara Berhemat Dengan Dasar Yang Progresif Serta Sistem Perakaunan Yang Efisien Menerusi Kakitangan Profesional Dan Kolaborasi Strategik.


1.3.2 *Tagline*

Tagline Excellent Accounting @ Your Service telah dibentuk pada tahun 2003. *Tagline* ini merangkumi keseluruhan aspek komitmen dan dedikasi JANM selaras dengan misi dan visi untuk menjadi peneraju dalam perakaunan dan kewangan sektor awam serta etika kerja Jabatan yang mengutamakan pelanggan.

Excellent Accounting – Merujuk kepada sifat proaktif dan inovatif Jabatan dalam membangun dan melaksanakan sistem perakaunan yang terbaik. Ia juga membawa maksud JANM sentiasa responsif dan peka terhadap perkembangan semasa dari segi peraturan kewangan, teknologi dan keperluan pelanggan.

@ – Mewakili kemajuan teknologi JANM dalam menongkah arus pemodenan dengan implementasi dan perubahan kepada sistem perakaunan yang lebih efisien. Kedudukan simbol @ di tengah-tengah *tagline* mewakili kemajuan teknologi JANM yang bertindak sebagai penghubung dalam menyampaikan perkhidmatan cemerlang Jabatan kepada pelanggan.

Your Service – Menunjukkan komitmen serta usaha Jabatan dalam mengutamakan pelanggan. Melalui pembangunan sistem pengurusan sumber manusia yang efektif dan berterusan akan mengukuhkan komitmen dan dedikasi Jabatan dalam menyampaikan perkhidmatan profesional yang cekap dan mesra pelanggan.



Rajah 1: Visi, Misi dan *Tagline* bagi Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)

1.4 Objektif

Sesebuah Jabatan perlu menetapkan objektif untuk dijadikan sasaran organisasi dalam jangka masa pendek, khusus, boleh diukur, dan mesti dicapai bagi membolehkan Jabatan mencapai matlamatnya. JANM telah menetapkan objektif Jabatan seperti yang berikut :



Rajah 2: Objektif Jabatan Akauntan Negara Malaysia

1.5 Nilai Bersama **SPECIAL**

Nilai Bersama SPECIAL JANM terdiri daripada enam elemen seperti berikut:

S : Mengutamakan pelanggan (*Satisfying the customers*)

1. Memberi perkhidmatan yang mesra, cepat, tepat dan berintegriti kepada semua pelanggan dan *stakeholders*.
2. Meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada pelanggan secara berterusan mengikut keperluan.
3. Meningkatkan kompetensi diri agar perkhidmatan yang diberikan memenuhi ekspektasi pelanggan.

P : Profesionalisme (*Professionalism*)

1. Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran melalui pembelajaran berterusan.
2. Mempamerkan semangat kerja yang tinggi.
3. Meningkatkan prestasi kerja untuk mencapai kualiti yang berterusan.
4. Peka terhadap perkembangan, kemajuan dan perubahan dalam teknologi dan profesion perakaunan.
5. Mempamerkan nilai dan tingkah laku yang berkualiti dan kompeten.
6. Bersopan santun, berbudi bahasa dan berhemah tinggi dalam segala urusan.
7. Berpenampilan kemas dan sesuai mengikut keadaan dan suasana.

EC : Kerja Berpasukan (*Esprit de Corp*)

1. Bekerjasama dalam menyelesaikan isu dan masalah.
2. Mempunyai sikap saling bantu membantu dalam usaha mencapai keberhasilan jabatan.
3. Berkongsi maklumat, pengalaman dan ilmu pengetahuan.
4. Menghargai sumbangan idea daripada anggota organisasi.
5. Saling hormat menghormati dan mengeratkan silaturahim.

IA : Integriti dan Akauntabiliti (*Integrity and Accountability*)

1. Mengamalkan sikap amanah, tulus, ikhlas, berpegang kepada prinsip dan boleh dipercayai.
2. Melaksanakan tugas dengan penuh tanggungjawab mengikut peraturan yang ditetapkan.
3. Bertanggungjawab ke atas semua tindakan dan keputusan yang diambil.
4. Berfikiran positif dan sedia memberi dan menerima cadangan serta maklum balas yang tepat dan benar.

L : Kesetiaan (*Loyalty*)

1. Menunjukkan kesetiaan kepada jabatan, kerajaan dan negara.
2. Menjaga nama baik dan imej jabatan serta profesion perakaunan.
3. Memahami, menghayati dan mematuhi Nilai Bersama jabatan.

NILAI



BERSAMA

Rajah 4: Nilai Bersama SPECIAL Jabatan Akauntan Negara Malaysia

1.6 Punca Kuasa (Inovasi)

Pelaksanaan aktiviti inovasi diberi mandat melalui punca kuasa berikut:

- 1** Surat Ketua Pengarah MAMPU bertarikh 29.01.2010 - Pelaksanaan Hari Inovasi dan Usaha - Usaha Meningkatkan Budaya Inovasi Dalam Perkhidmatan Awam
- 2** Pekeliling Perbendaharaan WP 5.1 (Peraturan Mengenai Keraian Rasmi)
- 3** Pekeliling Perbendaharaan WP 5.3 (Peraturan Mengenai Perbelanjaan Sambutan Hari Inovasi)
- 4** Pekeliling Transformasi Pentadbiran Awam Bil.1/2016

1.7 Pemegang Taruh, Pelanggan dan Rakan Strategik

1

PEMEGANG TARUH

- Kementerian Kewangan
- Kabinet Malaysia
- Ketua Setiausaha Perbendaharaan
- Ketua Setiausaha Kementerian

Pemegang Taruh

Pemegang taruh ialah orang perseorangan / organisasi yang terlibat secara aktif dalam projek atau pihak yang mempunyai kepentingan. Pemegang taruh terlibat secara positif atau negatif dan boleh memberi kesan kepada penyampaian perkhidmatan Jabatan.

Pelanggan

Pelanggan ialah individu atau pihak yang menggunakan atau memperoleh, secara kerap atau sekali-sekala, perkhidmatan atau produk yang ditawarkan oleh Jabatan.

2

PELANGGAN

- Kerajaan Persekutuan
- Kerajaan Negeri
- Pihak Berkuasa Tempatan
- Badan-badan Antarabangsa
- Penjawat Awam
- Rakyat
- Syarikat

3

RAKAN STRATEGIK

- Kementerian/Agensi
- Firma Perunding
- Badan Profesional
- Penyedia Sistem Perakaunan
- Penyedia Perkhidmatan IT
- Media
- Bank
- IPT

Rakan Strategik

Rakan strategik adalah individu/ organisasi berkongsi sumber dan bekerjasama dengan sesebuah organisasi.

BAB 2: PELAKSANAAN PELAN INOVASI JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

2.1 Tujuan

Jabatan kini berdepan dengan pelbagai cabaran antaranya perubahan teknologi yang pesat, pengaruh globalisasi dan peningkatan ekspektasi pemegang taruh. Justeru itu, jabatan perlu berubah dalam menangani cabaran serta melangkaui ekspektasi tersebut melalui pembudayaan inovasi, penerapan kreativiti dan penggunaan teknologi terkini. Selaras dengan matlamat jabatan untuk menjadi *Centre of Reference* dalam bidang perakaunan dan kewangan sektor awam, jabatan perlu menerajui perancangan, pembangunan, pengurusan dan dasar yang berinovatif bagi mencapai visi dan misi jabatan.

Pelan Inovasi Jabatan Akauntan Negara Malaysia ini disediakan untuk tujuan berikut:

- Sebagai panduan dari segi dasar, strategi, pengurusan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian aktiviti-aktiviti inovasi;
- Sebagai panduan yang boleh digunapakai dalam penyediaan program dan aktiviti membudayakan inovasi dan kreativiti di semua peringkat JANM; dan
- Memberi pengiktirafan dan promosi terhadap hasil inovasi yang bernilai dan berimpak tinggi.

Pelan ini juga diharap dapat membentuk warga JANM yang berinovasi dan kreatif serta membudayakan inovasi dan kreativiti dalam tugas seharian bagi memberikan perkhidmatan yang terbaik selaras dengan visi dan misi Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

2.2 Definisi Inovasi

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka definisi inovasi ialah sesuatu yang baru diperkenalkan seperti kaedah, sistem dan adat. Inovasi merupakan hasil pelaksanaan cetus idea – idea kreatif bagi menghasilkan sesuatu yang baru atau penambahbaikan ke atas sesuatu yang sedia ada melalui proses penyelidikan dan pembangunan (R&D). Inovasi yang dihasilkan berupaya menambah nilai semasa serta membawa tranformasi daripada amalan sedia ada kepada amalan yang lebih baik. Inovasi boleh berbentuk produk, perkhidmatan, proses dan teknologi.

Erti kata lain bagi inovasi ialah kaedah mencari jalan untuk menghasilkan produk atau perkhidmatan yang lebih baik sama ada melalui pengubahsuaian ataupun penambahbaikan.

2.3 Bidang dan Kategori Inovasi

Pekeliling Transformasi Perkhidmatan Awam Bil 1 Tahun 2016 menggariskan dua bidang inovasi iaitu Inovasi Sosial dan Inovasi Penyampaian Perkhidmatan. Kedua-dua bidang ini seterusnya dikategorikan kepada dua iaitu penciptaan dan penambahbaikan.



Rajah 5: Bidang dan Kategori Inovasi

Bidang Inovasi

Bidang inovasi sosial merangkumi kaedah penyelesaian baharu (idea, model dan perkhidmatan) yang mampu memenuhi kepentingan sosial dengan lebih berkesan dan mengutamakan penglibatan rakyat. Inovasi sosial mempunyai ciri – ciri utama seperti berikut:

- Pendekatan eksperimen yang berasaskan kepada bukti dan penemuan hasil pelaksanaan prototaip secara berulang untuk mendapatkan hasil yang terbaik;
- Jalinan rangkaian yang menggalakkan kerjasama dan kolaborasi merentasi pelbagai sektor termasuk agensi awam, pihak swasta dan individu-individu dalam masyarakat; dan
- Pembangunan inisiatif baharu oleh agensi Kerajaan bersama-sama rakyat bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang menepati keperluan sebenar mereka.

Bidang Inovasi penyampaian perkhidmatan merupakan terjemahan idea baharu yang kreatif dan inovatif untuk mentransformasikan penyampaian perkhidmatan Kerajaan. Ia merangkumi penambahbaikan kepada sistem dan prosedur, kaedah dan cara bekerja mahupun pengenalan teknologi baharu dalam pelbagai aspek, antaranya termasuklah:

- Pengurusan Strategik dan Kepimpinan Organisasi;
- Budaya Kerja;
- Pengurusan Kewangan dan Aset;
- Pengurusan Perhubungan Pelanggan;
- Pengurusan Sumber Manusia;
- Pengurusan Projek Pembangunan; dan
- Pembangunan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)

Ciri – ciri utama Inovasi Penyampaian Perkhidmatan adalah:

- Memberi impak ketara dan positif kepada pelanggan;
- Meningkatkan kecekapan dan mengoptima kos dalam menangani kekangan sumber kewangan dan sumber manusia;
- Memperkenalkan pendekatan penyampaian perkhidmatan baharu atau memantapkan kaedah semasa yang kurang berkesan; dan
- Memanfaatkan keupayaan teknologi terkini.

Kategori Inovasi

Kategori inovasi bagi bidang **Inovasi Sosial** dan **Inovasi Penyampaian Perkhidmatan** adalah seperti berikut:

a) Inovasi Penciptaan

Penciptaan suatu produk, perkhidmatan atau proses yang baharu dan belum pernah dilaksanakan di Malaysia.

b) Inovasi Penambahbaikan


Penambahbaikan sesuatu produk, perkhidmatan atau proses sedia ada melalui kaedah yang inovatif agar menjadi lebih berkualiti serta berdaya saing.

2.4 Pendekatan

Selaras dengan visi JANM untuk menjadi peneraju terbilang dalam perakaunan kewangan dan perakaunan pengurusan sektor awam, JANM perlu sentiasa lebih responsif dan proaktif dengan menyediakan perkhidmatan yang selari dengan kehendak pemegang taruh dan pelanggan. Dengan medium dan struktur organisasi yang baik, JANM telah mewujudkan satu mekanisme bagi menggalakkan pembudayaan inovasi melalui pelbagai aktiviti termasuk mesyuarat, perbincangan, aktiviti pembelajaran, program kesedaran, aktiviti promosi, penerbitan dan pertandingan – pertandingan yang bertujuan untuk membudayakan kreativiti dan inovasi.

2.5 Struktur Pengurusan Inovasi JANM

Struktur pengurusan inovasi diwujudkan bagi membolehkan pembentukan budaya inovasi dilaksanakan secara sistematik. Struktur Pengurusan Inovasi JANM terdiri daripada Jawatankuasa Pemandu Inovasi dan Jawatankuasa Kerja Inovasi seperti berikut:



2.6 Fungsi Jawatankuasa Pemandu Inovasi JANM

- 1) Menentukan dasar dan strategi bagi menggalakkan penjaanaan idea serta penyelidikan dan pembangunan (R&D);
- 2) Menetapkan amalan dan proses yang menyokong peningkatan inovasi di peringkat jabatan;
- 3) Menyelaras dan memantau usaha-usaha pembudayaan inovasi yang turut merangkumi program latihan termasuk pemikiran kreatif;
- 4) Memberi pengiktirafan kepada warga Jabatan yang menghasilkan inovasi;
- 5) Mempromosi dan berkongsi inovasi yang dihasilkan oleh warga Jabatan;
- 6) Menilai dan memantau keberkesanan projek inovasi;
- 7) Memperaku projek inovasi ke pertandingan KIK Kementerian;

2.7 Fungsi Jawatankuasa Kerja Inovasi JANM

- 1) Menyediakan cadangan program/aktiviti inovasi yang akan dijalankan pada tahun yang berkenaan;
- 2) Memantau pelaksanaan program/aktiviti inovasi yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Pemandu Inovasi pada tahun berkenaan berjalan dengan lancar;
- 3) Menyelaras pelaksanaan perluasan idea inovasi dan projek inovasi warga JANM yang telah diluluskan; dan
- 4) Menyelaras promosi hasil inovasi yang telah dihasilkan oleh warga JANM

Terma rujukan Struktur Pengurusan Inovasi JANM adalah seperti di **Lampiran A & B**.

2.8 Fungsi Unit Dasar, Strategik dan Inovasi JANM

- 1) Menyelaras aktiviti inovasi dan program pembudayaan inovasi yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Pemandu Inovasi JANM;
- 2) Bertindak sebagai urusetia kepada mesyuarat Jawatankuasa Pemandu dan Kerja Inovasi JANM;
- 3) Menyelaras pembangunan Pelan Inovasi Jabatan; dan
- 4) Menyelaras cadangan-cadangan program/aktiviti inovasi yang diterima dari Bahagian.


Kejayaan program pembudayaan inovasi dan kreativiti di sesebuah Jabatan adalah bergantung kepada komitmen dan penglibatan seluruh warganya. Oleh itu, struktur Pengurusan Inovasi JANM yang telah diwujudkan adalah mengambil kira penglibatan seluruh warga JANM dari pihak Pengurusan Atasan sehinggalah kepada komitmen Pengurusan di peringkat Bahagian dan warga JANM keseluruhannya.

BAB 3 : STRATEGI DAN PELAN TINDAKAN

3.1 Model Pengurusan Strategik

Model Pengurusan Strategik didefinisikan sebagai melibatkan pembuatan keputusan dan mengambil tindakan yang boleh membantu organisasi mencapai objektifnya dengan menggunakan cara sistematik bagi memformulasikan strategi, melaksanakan strategi dan menilai serta mengawal strategi yang dilaksanakan. Terdapat empat elemen di dalam model pengurusan strategik seperti berikut:

- (i) Analisis Persekitaran
- (ii) Formulasi Strategi
- (iii) Implementasi Strategi
- (iv) Penilaian dan Kawalan



Rajah 6: Model Pengurusan Strategik

3.2 Analisis Persekitaran JANM

Jabatan ini telah menganalisa persekitaran melibatkan dalaman serta luaran dan mendapati faktor berikut disenaraikan sebagai kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman bagi Jabatan untuk melaksanakan aktiviti inovasi.



Rajah 7: Analisis Persekitaran JANM


3.3 Objektif Strategik dan Strategi

Berdasarkan analisis persekitaran yang telah dijalankan, objektif strategik dan strategi diformulasi bagi memaksimumkan kekuatan, mengambil kesempatan ke atas peluang serta meminimumkan ancaman dan kelemahan.

	PELUANG	ANCAMAN
KEKUATAN	<p><i>Maksimumkan kekuatan melalui peluang</i></p> <ul style="list-style-type: none">❖ Memperkasakan jaringan kerjasama pintar dengan agensi dalam dan luar negara	<p><i>Minimumkan ancaman melalui kekuatan</i></p> <ul style="list-style-type: none">❖ Memperkasakan tadbir urus pengurusan inovasi
KELEMAHAN	<p><i>Minimumkan kelemahan melalui peluang</i></p> <ul style="list-style-type: none">❖ Memperkasakan modal insan berinovasi dan kreatif	<p><i>Minimumkan kelemahan dengan mengambil kira ancaman</i></p> <ul style="list-style-type: none">❖ Mengadaptasi teknologi dalam transformasi sistem penyampaian perkhidmatan

Rajah 8: Objektif Strategik

Setiap objektif strategik yang diformulasikan, strategi yang bersesuaian dengan kapasiti Jabatan telah dirangka dan dikenalpasti seperti berikut:



Rajah 9: Objektif Strategik dan Strategi

3.4 Pelan Tindakan

Bagi memastikan objektif strategik dan strategi yang dirangka dapat dicapai, Pelan Tindakan disediakan bagi setiap Objektif Strategik dan Strategi dengan perincian maklumat program, aktiviti, KPI, tempoh masa dan tanggungjawab Bahagian yang berkaitan. Ini adalah bagi memudahkan aktiviti pemantauan, penilaian dan kawalan dijalankan. Pelan Tindakan yang dirangka bagi tempoh 2021 hingga 2024 adalah seperti berikut:

Objektif Strategik 1: Memperkasa Modal Insan Berinovasi dan Kreatif (30%)								
Tujuan	1. Membangunkan kompetensi tenaga kerja melalui kepimpinan inovasi strategik, pembelajaran berterusan dan pengurusan ilmu inovasi serta kreativiti							
Strategi	Program	Aktiviti	KPI	Tempoh Masa				Tanggungjawab
				2021	2022	2023	2024	
Strategi 1: Membangunkan kompetensi inovasi dan kualiti strategik yang menyeluruh (5%)	Meningkatkan kompetensi warga	1. Kursus berkaitan inovasi dan kreativiti	Penglibatan 50% warga (Ibu Pejabat dan JANM negeri/Cawangan) dalam program pembangunan kompetensi inovasi	/	/	/	/	Semua Bahagian (penggiliran urus setia bagi kursus /bengkel/ceramah/ taklimat inovasi) Semua Bahagian (kursus inovasi dalaman yang dianjurkan)
		2. Bengkel, Ceramah / Taklimat berkaitan inovasi dan kreativiti		/	/	/	/	

Objektif Strategik 1: Memperkasa Modal Insan Berinovasi dan Kreatif (30%)

Strategi 2: Meningkatkan Pembudayaan Inovasi (20%)	Kempen pembudayaan inovasi	1. Pertandingan Inovasi	Minima 5 pertandingan, maksimum 7 pertandingan	/	/	/	/	Semua Bahagian (penggiliran)
		2. Majlis Sambutan Hari Inovasi	Setiap tahun	/	/	/	/	BPPP (Urus setia induk)
		3. Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)	Setiap dua tahun	/		/		BPPP (Urus setia induk)
		4. Penyertaan Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) di peringkat Kementerian	Setiap dua tahun		/		/	Pemenang Konvensyen KIK
Strategi 3: Meningkatkan motivasi warga (5%)	Mengadakan program motivasi	1. Penganjuran ceramah motivasi	Setiap tahun	/	/	/	/	Semua Bahagian (penggiliran urus setia bagi penganjuran ceramah)

Objektif Strategik 2: Transformasi Sistem Penyampaian Perkhidmatan Melalui Adaptasi Teknologi Terkini (30%)

Tujuan	1. Memperkukuhkan penyampaian perkhidmatan melangkaui ekspektasi pelanggan dengan penggunaan teknologi terkini							
Strategi	Program	Aktiviti	KPI	Tempoh Masa				Tanggungjawab
				2021	2022	2023	2024	
Strategi 1 : Meningkatkan pelaksanaan perkhidmatan dalam talian (30%)	Menambahbaik perkhidmatan dalam talian	1. Penambahbaikan sistem sedia ada dan pembangunan sistem baharu	Sistem sedia ada ditambah baik dan sistem baharu dibangunkan	/	/		/	Bahagian terlibat <u>2021</u> 1. BPTM, BPPP, PPPA & BPOPP - Peningkatan Perkhidmatan Sharepoint (<i>Portal Knowledge Management</i> , Portal Intranet, Portal Perakaunan Akruan & Portal iRAO) 2. BWTD - Sistem Tuntutan Online WTD 3. BPTM – e-Maklum Mobile <u>2022</u> 1. BKP - iPayment (Pilot) 2. BWTD & BPTM - eGUMIS Mobile <u>2024</u> 3. BPPP - iSPK-AG

Objektif Strategik 3: Memperkasakan Jaringan Kerjasama Pintar dengan Agensi Dalam dan Luar Negara (20%)

Strategi	Program	Aktiviti	KPI	Tempoh Masa				Tanggungjawab
				2021	2022	2023	2024	
Tujuan	1. Pertambahan Idea 2. Memperluaskan jaringan kerjasama 3. Meningkatkan imej dan reputasi Jabatan							
Strategi 1: Meningkatkan kerjasama dengan agensi luar (5%)	Lawatan inovasi	1. Lawatan ke agensi yang menerajui bidang inovasi / kualiti	Dua (2) lawatan setiap tahun	/	/	/	/	Semua Bahagian (penggiliran urus setia bagi lawatan)
Strategi 2: Memperkasakan imej Jabatan (15%)	Penjenamaan semula imej Jabatan (<i>rebranding</i>)	1. Program bersama pelanggan	Satu (1) program bersama pelanggan	/	/	/	/	BPPP
		2. Program <i>rebranding</i> JANM	Program dilaksanakan berdasarkan program <i>Rebranding</i> JANM	/	/	/	/	Bahagian terlibat 2021 1. BPPP – Warna korporat, slides rasmi, lagu jabatan dan <i>signage</i> bangunan 2. BPOPP - Digital workspace pejabat BPOPP dan JANM Negeri/ Cawangan (mulai 2021)

Objektif Strategik 3: Memperkasakan Jaringan Kerjasama Pintar dengan Agensi Dalam dan Luar Negara (20%)

								<p><u>2022</u></p> <p>3. BPPP – Naik taraf lobi & galeri</p> <p>4. BPOPP – Naik taraf kaunter JANM Negeri/ Cawangan (mulai 2022)</p> <p><u>2023 - 2024</u></p> <p>5. BPOPP – naik taraf kaunter JANM</p> <p>6. PPPA – JANM sebagai Centre of Reference (Pegawai PPPA dan IPN sebagai SME).</p>
--	--	--	--	--	--	--	--	--

Objektif Strategik 4: Memperkasakan Tadbir Urus Pengurusan Inovasi (20%)

Tujuan	1. Kapasiti organisasi yang cemerlang 2. Memperkasa sistem penyampaian perkhidmatan							Tanggungjawab
	Strategi	Program	Aktiviti	KPI	Tempoh Masa			
2021					2022	2023	2024	
Strategi 1: Memantapkan budaya perkongsian ilmu (5%)	Perkongsian ilmu	1. Penerbitan	Lapan (8) penerbitan di portal <i>Knowledge Management</i> (KM)		/	/	/	BPPP
Strategi 2: Memperkukuhkan pengurusan idea / inovasi (10%)	Penemuan inovasi	1. Penganjuran Pertandingan Idea Inovasi	Satu (1) pertandingan setahun	/	/	/	/	Semua Bahagian (penggiliran urus setia pertandingan)
	Pembangunan inovasi	2. Penyaluran cadangan inovasi	Satu (1) projek /idea inovasi dari warga JANM dikenalpasti dan dibangunkan sekiranya bersesuaian	/	/	/	/	BPPP
	Penggunaan inovasi	3. Perluasan penggunaan	Satu (1) idea inovasi		/		/	BPPP

Objektif Strategik 4: Memperkasakan Tadbir Urus Pengurusan Inovasi (20%)								
		projek/idea inovasi	digunapakai / diperluaskan					
Strategi 3: Memperkemas kawalan dalaman (5%)	Pensijilan kualiti melalui pensijilan EKSA dan MS ISO	1. Persijilan EKSA	Semua Bahagian dan JANM Negeri/Cawangan memperolehi sijil EKSA	/	/	/	/	Semua Bahagian & JANM Negeri / Cawangan, BPPP
		2. Persijilan MS ISO	Bahagian memperolehi sijil MS ISO	/	/	/	/	1. BPAD & BWTD (2021) 2. BPOPP (2022) 3. PPPA (2023) 4. BPPP (2024)

BAB 4 : RUMUSAN

Pelan Inovasi JANM 2021-2024 merupakan kesinambungan Pelan Inovasi JANM 2017-2020 yang telah ditambah baik dan mengambil kira keperluan serta kapasiti semasa Jabatan. Dengan adanya pelan ini, visi JANM untuk menjadi sebuah agensi peneraju yang terbilang dalam Perakaunan Kewangan dan Perakaunan Pengurusan Sektor Awam mampu direalisasikan. Pelan ini menjelaskan usaha-usaha yang perlu dilaksanakan oleh JANM untuk meningkatkan budaya inovasi dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam yang lebih inovatif dan berkesan.

Secara keseluruhannya, Pelan Inovasi JANM ini diharap dapat menjadi rujukan utama warga JANM untuk memperkasakan modal insan berinovatif dan tadbir urus pengurusan inovasi serta mengukuhkan sistem penyampaian perkhidmatan ke peringkat optimum.

TERMA RUJUKAN
JAWATANKUASA PEMANDU INOVASI
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (JANM)

1. PENERUSI

Timbalan Akauntan Negara (Korporat)

2. KEAHLIAN

2.1 Pengarah BPPP

(bertindak sebagai Pengerusi Gantian apabila ketiadaan Pengerusi)

2.2 Pengarah BPOPP

2.3 Pengarah PPPA

2.4 Pengarah BWTD

2.5 Pengarah BPAD

2.6 Pengarah BA MOF

2.7 Pengarah BPTM

2.8 Pengarah BPOPA

2.9 Pengarah BKP

2.10 Pengarah IPN

2.11 Ketua Unit Integriti

Nota : Jika ketiadaan seseorang Pengarah Bahagian/Ketua Unit di sesuatu mesyuarat, beliau hendaklah digantikan atau diwakilkan dengan Timbalan Pengarah Bahagian yang berkenaan.

3. KEKERAPAN MESYUARAT

Mesyuarat diadakan 2 kali setahun.

4. SKOP / FUNGSI

- (i) Menentukan dasar dan strategi bagi menggalakkan penjanaan idea serta penyelidikan dan pembangunan (R&D);
- (ii) Menetapkan amalan dan proses yang menyokong peningkatan inovasi di peringkat jabatan;
- (iii) Menyelaras dan memantau usaha-usaha pembudayaan inovasi yang turut merangkumi program latihan termasuk pemikiran kreatif;
- (iv) Memberi pengiktirafan kepada warga Jabatan yang menghasilkan inovasi;
- (v) Mempromosi dan berkongsi inovasi yang dihasilkan oleh warga Jabatan;
- (vi) Menilai dan memantau keberkesanan projek inovasi;
- (vii) Memperaku projek inovasi ke pertandingan KIK Kementerian;

5. KUORUM MESYUARAT

50% daripada bilangan ahli Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Inovasi (termasuk wakil).

6. URUS SETIA

Unit Dasar, Strategik dan Inovasi

Seksyen Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan Strategik

Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan

7. RUJUKAN

- (i) Surat Arahan Ketua Pengarah MAMPU dan Panduan Peningkatan Budaya Inovasi Dalam Perkhidmatan Awam bertarikh 29 Januari 2010.
- (ii) Pelan Tindakan inovasi JANM 2017-2020

TERMA RUJUKAN
JAWATANKUASA KERJA INOVASI
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (JANM)

1. PENERUSI

Pengarah

Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan

2. KEAHLIAN

2.1 Timbalan Pengarah BPPP

(bertindak sebagai Pengerusi Gantian apabila ketiadaan Pengerusi)

2.2 Wakil BPOPP

2.3 Wakil PPPA

2.4 Wakil BWTD

2.5 Wakil BPAD

2.6 Wakil BA MOF

2.7 Wakil BPTM

2.8 Wakil BPOPA

2.9 Wakil BKP

2.10 Wakil IPN

2.11 Wakil Unit Integriti

2.12 Wakil Unit Kewangan, BPPP

2.13 Wakil Unit Pengurusan Am dan Aset, BPPP

Nota : Wakil Bahagian merupakan pegawai yang dinamakan Pengarah Bahagian yang berkenaan.

3. KEKERAPAN

Minima 2 kali setahun

4. SKOP

- (i) Menyediakan cadangan program/aktiviti inovasi yang akan dijalankan pada tahun yang berkenaan;
- (ii) Memastikan pelaksanaan program/aktiviti inovasi yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Pemandu Inovasi pada tahun berkenaan berjalan dengan lancar;
- (iii) Menyelaras pelaksanaan perluasan idea inovasi dan projek inovasi warga JANM yang telah diluluskan; dan
- (iv) Menyelaras promosi hasil inovasi yang telah dihasilkan oleh warga JANM.

5. KUORUM MESYUARAT

50% daripada bilangan ahli Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Inovasi (termasuk wakil).

6. URUS SETIA

Unit Dasar, Strategik dan Inovasi

Seksyen Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan Strategik

Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan

7. RUJUKAN

- (i) Surat Arahan Ketua Pengarah MAMPU dan Panduan Peningkatan Budaya Inovasi Dalam Perkhidmatan Awam bertarikh 29 Januari 2010.
- (ii) Pelan Tindakan inovasi JANM 2017-2020

